

UUM ONLINE: Ahli keluarga staf Universiti Utara Malaysia (UUM) akan memperoleh manfaat dan faedah yang sama seperti staf, apabila pihak pengurusan telah mengambil inisiatif terhadap kebajikan mereka dengan memperkenalkan Skim Takaful Kesihatan.

Menurut Pendaftar UUM, Mohamad Akhir Yusuf, kakitangan sokongan perlu mengambil kesempatan ke atas lanjutan masa yang diberikan sehingga 15 Ogos ini untuk membuat pilihan sama ada berminat atau tidak dengan skim insurans ini.

"Faedah yang akan diterima oleh ahli keluarga staf akan tercapai sekiranya 50 peratus staf bersetuju dengan skim yang ditawarkan melalui borang yang diedarkan oleh Jabatan Pendaftar.

"Sehingga kini, hanya 1/3 kakitangan yang telah memberi maklum balas dan saya berharap pada mereka yang belum mengisi borang tersebut melakukannya dengan segera," tambah beliau ketika berucap di Perjumpaan Khas Pendaftar Dengan Staf Sokongan di Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 2/1, semalam.

Selain itu, beliau berharap kakitangan sokongan memikirkan soal ini sebaik mungkin dan membuat pilihan bijak demi kebaikan dan masa depan diri sendiri serta keluarga masing-masing.

Pada majlis berkenaan juga, sesi soal jawab antara Pendaftar dengan kakitangan diadakan bagi menyelesaikan masalah berkaitan hal perkhidmatan dan jawatan serta peribadi.

Mohamad Akhir juga berkata, Pendaftar sentiasa mengalu-alukan kehadiran kakitangan ke Jabatan Pendaftar pada bila-bila masa untuk mendengar dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my